

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JANUARI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17

Formula serampang tiga mata

Formula serampang tiga mata

Strategi kerajaan selesai hutang RM1.5 trilion, elak ketirisan dan perluasan pungutan hasil negara

Oleh Rafidah Mat Ruzki
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Hutang negara serta liabiliti yang kini mencapai RM1.5 trilion boleh ditangani melalui formula serampang tiga mata untuk mengukuhkan kedudukan fiskal.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, ada beberapa strategi boleh diambil Kerajaan seperti disebutnya pada minggu pertama beliau menerajui kerementeriannya.

Pendekatan jangka pendek yang boleh diambil segera adalah dengan mendapatkan nilai terbaik bagi setiap perbelanjaan kerajaan.

"Kita boleh memastikan penyampaian projek dan kecekapan kos setiap projek kerajaan dimaksimumkan.

"Itu cara untuk menjimatkan wang dengan memastikan ketirisan dihentikan," katanya selepas menerima kunjungan hormat pengurus kanan Media Prima


Berhad diketuai Pengurusi Kumpulan Media Prima, Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid, di pejabatnya, di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengarang Urusan Kumpulan NSTP merangkap Pengarang Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima dan Primeworks Studios, Datuk Khairul Anwar Salleh dan Pengurusi Besar Kumpulan Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan dan Pejabat Pengurusi Kumpulan Azlan Abdul Aziz.

Rafizi berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, sendiri menyebut bahawa beliau berpendapat sekurang-kurangnya RM10 bilion boleh diperoleh segera daripada sistem sedia ada dengan menghentikan ketirisan.

Dengan memperturunkan semula serta memberi keutamaan dalam perbelanjaan negara, ia mampu memperkuuhkan kedudukan fiskal.

Sudah jelas apa perlu dilakukan namun ia harus dilaksanakan berperingkat
Rafizi



RAFIKI menerima cenderahati dari Syed Hussian (dua dari kanan) sambil disaksikan Ahmad Zaini (kiri) dan Azlan pada lawatan kumpulan Media Prima Berhad ke Kementerian Ekonomi, Putrajaya.

-Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

Namun, beliau berkata, pendekatan itu saja tidak mencukupi, justeru perlu ada perluasan tentang pungutan hasil negara.

"Ada beberapa pertimbangan dan keputusan dasar yang perlu kita ambil, tetapi saya berpendapat ia memerlukan masa sedikit lama untuk dilihat kerana impaknya lebih besar.

"Ia membabitkan kesemua pertumbuhan dengan melindungi sektor sejawarnya dengan memastikan apa yang kita lakukan tidak memperlambahkan pertumbuhan disasarkan," katanya.

Rafizi berkata, strategi ketiga yang boleh diambil adalah dengan segera mensruktur semula ekonomi negara. Ada keperluan mendesak menaik taraf ekonomi

negara bagi membolehkan Malaysia meningkatkan perkhidmatan dan syarikat bernilai tinggi.

"Apabila pendapatan rakyat meningkat, ia juga menyumbang kepada hasil negara. Sudah jelas apa yang perlu dilakukan namun ia harus dilaksanakan berperingkat," katanya.

Pada masa sama, Rafizi berharap seluruh negara

mahami bahawa untuk tempoh satu dua tahun ini, kedudukan fiskal perlu dikekalkan.

Untuk itu, kerajaan perlu melakukan beberapa perkara bagi membetulkan kedudukan negara dengan segera.

Rafizi berpendapat, sepas satu atau dua tahun, apabila kedudukan fiskal semakin kukuh, ada laju ekonomi kepada negara yang dirasai rakyat dalam tempoh dua atau tiga tahun mendatang.

"Konsepnya sama kalau demam kena ambil Panadol (ubat). Awal-awal tu ada orang mungkin tak suka Panadol, mungkin tak suka ubat, tapi kena ambil ubat dahulu kan.

"Tapi ia (hutang negara) bukan sesuatu yang berada dalam keadaan berbentuk krisis yang perlu panik ataupun kerajaan berada dalam keadaan begitu terdesak."

"Kita masih ada ruang itu cuma sama macam dengan demam, kalau demam buat-buat tak faham ubat, tak ambil kira tak berehat kita tak ambil ubat beberapa perkara ia jadi semakin teruk," katanya.